

CNS0528

U GB 10-04 00161 BA837

aab

Mahathir - Kelantan

IBRAHIM PETRA BERHAK TUNTUT TAKHTA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Tengku Ibrahim Petra berhak untuk menuntut takhta Sultan Kelantan seperti yang diputuskannya Khamis lepas.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata tuntutan itu perlu dibuat melalui cara yang biasa diamalkan di negara ini.

"Itu hak dia untuk menuntut... dan tuntutan itu mestilah dibuat melalui saluran yang diterima sebagai amalan di negara kita, termasuk saluran undang-undang," katanya kepada pemberita sekembalinya dari Jeddah pagi ini selepas melakukan lawatan lapan hari ke Uzbekistan dan Iran.

Beliau dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Alisinggah di Mekah selepas melawat Iran pada Selasa untuk menunaikan Umrah.

Dr Mahathir juga tidak menolak kemungkinan tuntutan itu dikemukakan kepada Mahkamah Khas, yang ditubuhkan dengan persetujuan raja-raja berikutan Pindaan Perlembagaan bagi menghadkan kekebalan raja-raja daripada segi undang-undang awal bulan lepas. -- Lagi

♥10/04/10-54MST

CNS0533

U GB 10-04 00140 BA841

aab

Mahathir - Kelantan 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata Mahkamah Khas boleh menjadi satu daripada saluran bagi membawa tuntutan itu.

Ketika ditanya pendapatnya mengenai pembatalan perhimpunan rakyat yang sepatutnya diadakan di Kota Baharu hari ini kerana tidak mendapat kebenaran polis Kelantan, Perdana Menteri berkata terpulanglah kepada pihak yang bertanggungjawab membuat penilaian terhadap sesuatu permohonan.

"Kalau pihak pegawai yang bertanggungjawab berpendapat bahawa ianya merupakan satu ancaman terhadap keselamatan, terpulang kepada dia untuk membuat keputusan.

"Saya tidak ada di sini untuk campurtangan," kata Dr Mahathir.

Katanya beliau hanya mendengar mengenai perkara itu pagi ini.

Ketua Polis Negara Tan Sri Hanif Omar berkata malam tadi bahawa Ketua Polis Daerah, paman Penolong Pesuruhjaya Mohamed Yunus Othman menolak permohonan bagi mengadakan perhimpunan itu, yang dikemukakan oleh Persatuan Penyelia Pembangunan Mukim. -- Lagi

▼10/04/11-10MST

CNS0552

U GB 10-04 00145 BA844

aab

Mahathir - Kelantan 3 Kuala Lumpur

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob, yang turut menyambut kepulangan Perdana Menteri, berkata keputusan polis Kelantan itu bersifat profesional sepenuhnya berdasarkan penilaian mereka.

Beliau berkata maklumat yang diterima daripada Hanif menyatakan bahawa permohonan itu ditolak kerana keadaan keselamatan tidak mengizinkan.

"Kita (kerajaan) tidak ada kena mengena dengan apa-apa (keputusan).

"Tetapi kita merasakan bahawa sungguhpun kita berkuasa, kita masih mendengar nasihat daripada pegawai-pegawai polis yang memberikan taklimat. Kita terima hakikat bahawa sekiranya polis kata demi untuk keselamatan, kita sanggup terima," katanya.

Megat Junid berkata polis terpaksa mengkaji dari semua sudut, termasuk kemungkinan perkara yang akan berlaku.

Mengenai keputusan Pendaftar Pertubuhan berhubung kemungkinan parti Semangat 46 dibatalkan kerana menggunakan nama "UMNO", Megat Junid berkata beliau belum menerima maklumat balas mengenai perkara itu. -- Lagi

▼10/04/11-54MST

CNS0553

U GB 10-04 00189 BA845

aab

Mahathir - Kelantan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perkara itu di bawah bidang kuasa Pendaftar Pertubuhan, Puan Zakiah Hashim, yang menuruthnya perlu diberi peluang untuk membuat keputusannya sendiri.

Dalam surat tunjuk sebab yang dikemukakan kepada Semangat 46, Zakiah berkata beliau akan membuat keputusan samaada untuk membatalkan pendaftaran parti itu selepas 9 April (semalam) kerana parti itu menggunakan nama "UMNO" pada satu perhimpunan di Kota Baharu Januari lepas.

Dr Mahathir pula berkata lawatannya ke Uzbekistan dan Iran bukan sahaja berjaya merapatkan hubungan antara Malaysia dan kedua-dua negara itu tetapi juga menjalin persefahaman baik bagi kepentingan dua hala dan antarabangsa..

"Umumnya, kedua-dua lawatan itu berjaya mencapai maksudnya," kata beliau.

Sebagai contoh, katanya, Malaysia kini dapat mengenal pasti jenis-jenis barang yang boleh diimport dari kedua-dua negara itu seperti buah-buahan segar dan kering dari Iran serta cara penghantarannya.

Pada lawatan itu, beberapa perjanjian ditandatangani dengan Uzbekistan dan Iran bagi memudah dan mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan.

Yang turut berada di lapangan terbang untuk menyambut kepulangan beliau ialah Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba. -- Bernama.

JO AHH MIB